

01/02/2003

Dr Mahathir minta rakyat pelihara toleransi kaum

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengajak rakyat membayangkan kesan yang akan dihadapi jika masyarakat berbilang kaum tidak mengamalkan sikap toleransi.

"Sekali sekala hendaklah kita bayangkan apa akan jadi jika tidak ada sikap toleran ini. Sekali sekala hendaklah kita bayangkan juga keadaan di negara ini jika ia bukan negara berbilang kaum.

"Apakah ia akan menjadi begitu menarik baik dari segi budaya mahupun dari segi dinamismanya. Cuba gambarkan kemungkinan ini, cuba bandingkan dengan negara satu etnik lain.

"Sesungguhnya kita amat bertuah. Oleh itu peliharalah budaya baik ini, peliharalah toleransi antara kaum kerana kita mendapat banyak keuntungan daripadanya," kata Perdana Menteri dalam perutusan sempena sambutan Tahun Baru Cina.

Dr Mahathir berkata, sikap tolak ansur rakyat pelbagai kaum menjadikan Malaysia dikagumi dunia, terutama pada zaman permusuhan ketat antara kaum dan agama di seluruh ceruk dunia sekarang.

Kata Perdana Menteri, ketenangan serta keselesaan rakyat menyambut perayaan keagamaan masing-masing menjadi bukti bahawa dasar kerajaan tepat dan berjaya.

"Kita boleh berbangga dengan budaya yang sudah menjadi sebahagian tamadun negara tercinta ini," katanya.

Justeru, kata Dr Mahathir, ketika kaum Cina dan kaum lain merayakan Tahun Baru Cina, semua rakyat hendaklah bersyukur dan menghargai betapa bertuahnya mereka yang hidup dalam sebuah negara seperti ini.

Beliau berkata, banyak negara di Asia dan wilayah lain, pengamalan budaya Cina tersekat tetapi di Malaysia bukan saja perayaan Tahun Baru Cina bebas, malah dijadikan perayaan nasional dengan cuti am serta sambutan meriah oleh badan rasmi kerajaan.

Dr Mahathir berkata, rakyat dapat bersama merayakan Tahun Baru Cina dalam suasana aman dan meriah dan seperti masa lalu, sambutan perayaan itu berlangsung tanpa sebarang gangguan atau halangan walaupun dunia menghadapi cabaran peperangan.

Katanya, sudah beribu tahun perayaan itu disambut masyarakat Cina seluruh dunia dan ia akan membawa makna besar sekiranya dapat disambut dengan penuh gembira dan dalam keadaan aman.

"Justeru, hari ini seperti juga dengan perayaan lain, gunakanlah peluang untuk mengeratkan hubungan antara kita, dengan mengadakan rumah terbuka. Marilah kita mengeratkan lagi tali persahabatan antara rakyat berbilang kaum kita," katanya.